

JERANGAU

Nama Saintifik	:	<i>Acorus calamus L.</i>
Nama Biasa	:	Sweet flag, Calamus root
Nama Tempatan	:	Jerangau
Famili	:	Araceae



Pendahuluan

Jerangau mempunyai sejarah yang sangat panjang mengenai penggunaan ubat-ubatan dan ianya digunakan dengan meluas dalam perubatan herba modern sebagai perangsang aromatik dan tonik ringan. Ia telah digunakan di Asia sekurang-kurangnya 2 abad yang lalu oleh orang-orang Cina dan India. Di Malaysia, ia ditanam di kawasan belakang rumah terutama orang Melayu dan India, di mana biasanya digunakan pada bahagian luaran sebagai bahan tuam atau losyen.



Ciri-ciri Tumbuhan

Akar jerangau adalah herba saka yang boleh membesar dengan mencapai ketinggian sehingga 1.0 m. Ia mempunyai daun seperti rumput, panjang, tirus, menjulur naik dari rizom. Daun bersusun secara teratur, ringkas, glabrus, keseluruhan daun berwarna hijau dengan daun berbentuk bilah memanjang. Urat daun selari dan membentuk sisipan. Daun beraroma. Rizom berbau sangat wangi yang mengandungi minyak beraroma. Keratan rizomnya berwarna putih dan sangat berserabut.

Tabiat Tumbuhan

Tumbuhan ini boleh didapati di kawasan-kawasan berair seperti sungai dan terdapat juga di sekeliling kolam dan tasik.

Bahagian yang digunakan

Rizom

Amalan Tradisi Tumbuhan

Jerangau dilaporkan telah digunakan sebagai anti-bakteria, antiseptik, antikonvulsi (anti-kejang), dan boleh menyebabkan muntah . Rizom digunakan sebagai ubat untuk angin, kembung perut, pencernaan yg terganggu dan demam yang tidak berpanjangan, reumatis, penyakit saraf, gangguan usus, cirit-birit di kalangan kanak-kanak, jangkitan pada bronkial dan penyakit asma. Jerangau digunakan untuk penyediaan kordial minuman keras, bahan aroma , perisa bir dan membuat minyak wangi.